

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan mengumpulkan maklumat lengkap mengenai pencapaian sebenar beberapa usahawan wanita di Malaysia dan merekodkan profil usahawan yang terlibat dalam kajian. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti isu, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan wanita serta faktor-faktor kritikal kejayaan (critical success factor-CSF), gaya membuat keputusan (decision making styles), gaya kepimpinan (leadership styles), kemahiran keusahawanan (entrepreneurial skills), faktor-faktor kerohanian serta faktor-faktor sosialisasi yang mempengaruhi kejayaan perniagaan usahawan wanita. Di samping itu, kajian ini juga membangunkan sebuah model yang boleh dijadikan asas kepada lebih banyak kajian seterusnya yang boleh membantu proses pembelajaran berterusan di kalangan pelajar, bakal usahawan dan usahawan sedia ada di Malaysia. Beberapa cadangan yang sesuai untuk digunapakai dalam melatih golongan ini turut diberikan. Kaedah pengumpulan data kajian adalah daripada sumber data primer, data sekunder, serta melibatkan proses pemerhatian bagi memastikan dapatan kajian mampu menjawab kesemua persoalan kajian secara lebih menyeluruh. Sebanyak 11 orang usahawan wanita yang berjaya di Malaysia merangkumi usahawan Melayu, Cina dan India, telah terlibat dalam kajian ini. Secara umumnya penemuan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor penentu utama yang mendorong usahawan-usahawan wanita ini berjaya dalam perniagaan mereka ialah faktor individu, organisasi dan persekitaran. Faktor sokongan dan bantuan agensi kerajaan, nilai moral dan kerohanian, serta hubungan jaringan dan 'guanxi' didapati boleh menjadi pemangkin kepada kejayaan responden.

Kata Kunci: usahawan wanita di Malaysia, faktor individu, organisasi dan persekitaran, faktor sokongan dan bantuan agensi kerajaan, nilai moral dan kerohanian, hubungan jaringan dan 'guanxi'